



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**20 November 2022
25 Rabiulakhir 1444H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	• Segera lindungi populasi tuntung
Sinar Harian	•
The Star	•
The Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		12	20.11.2022

Segera lindungi populasi tuntung

KEMAMAN – Kerajaan negeri digesa supaya mewartakan kawasan pendaratan tuntung di Sungai Kemaman di sini bagi memulihara populasi reptilia berkenaan yang kini diancam kepupusan.

Pengasas Persatuan Pemuliharaan Tuntung, Kura-kura dan Labi-labi Malaysia, Dr. Chen Pelf Nyok berkata, terdapat 10 kawasan pendaratan tuntung sungai atau nama saintifiknya *Batagur Baska* dikesan sebagai tempat kegemaran reptilia itu untuk bertelur.

“Kawasan pendaratan tuntung sungai untuk bertelur perlu diwartakan bagi mengelakkan ia terus dicerobohi pihak tidak bertanggungjawab.

“Kami mendapati banyak telur tuntung sungai yang dieram di kawasan berkenaan dicuri sama untuk kegunaan sendiri mahupun dijual,” katanya kepada *Kosmo!* Ahad.

Pelf Nyok berkata, perbuatan itu telah merosakkan sebahagian kawasan persarangan haiwan reptilia berkenaan.

Tambahnya, aktiviti menyedut pasir dan menjala ikan yang dilakukan pihak tertentu juga mengancam populasi haiwan itu yang dikategorikan di bawah Akta Perlindungan Hidupan Liar sejak tahun 2010.

Dalam perkembangan sama, beliau memberitahu, lebih 7,000 telur tuntung sungai telah berjaya dieram sejak usaha kon-



PELF NYOK menunjukkan dua anak tuntung sungai yang menetas di Pusat Konservasi Tuntung Sungai di Pasir Raja, Kemaman semalam.

servasi dilakukan pihaknya bermula pada tahun 2011.

“Lebih 4,000 telur tuntung sungai terbabit berjaya ditetaskan sebelum anaknya dilepaskan semula ke sungai sepanjang tempoh tersebut.

“Kesemua anak tuntung sungai yang dilepaskan itu dimasukkan mikrocip bagi memudahkan proses pengesanan identiti apabila haiwan reptilia tersebut kembali untuk bertelur selepas 20 tahun,” katanya.